

22 MAY 1998

OSU SAMBUT BAIK PERLANTIKAN DOMPOK

KOTA KINABALU, 22 Mei (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Osu Sukam hari ini menyambut baik perlantikan Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) Tan Sri Bernard Dompok sebagai Ketua Menteri yang baru.

Osu yang juga Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi berkata, pelantikan itu membuktikan Barisan Nasional (BN) telah menunaikan janjinya terutama dalam melaksanakan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri.

"Yang penting ialah BN mestilah dilihat sebagai kerajaan yang efektif dalam membawa pembangunan di samping menyatupadukan rakyat negeri ini," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dekat sini setibanya dari Kuala Lumpur.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan di Kuala Lumpur pelantikan Dompok sebagai Ketua Menteri Sabah menggantikan Datuk Yong Teck Lee yang tamat tempoh dua tahun pada hujung bulan ini mengikut sistem penggiliran jawatan berkenaan.

Dompok, 49, ketika ini adalah Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri.

Oleh kerana isu pelantikan Ketua Menteri sudah selesai, semua parti komponen BN negeri kini perlu menumpukan perhatian kepada persiapan menghadapi pilihan raya negeri akan datang, katanya.

Osu juga mahu parti komponen BN mengekalkan kerjasama erat selain memantapkan kerajaan BN di Sabah.

-- BERNAMA

NT PR